



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



BULETIN JSG

JABATAN SAINS GUNAAN UiTM PULAU PINANG

JANUARI 2010
Isu 1/2010



**BULETIN
JSG UiTMPP**

7TH INVENTION, INNOVATION AND DESIGN 2010

Oleh: Nurul Izza Husin

Editorial Board

Patron:

Prof Madya Mohd Zaki Abdullah

Advisor:

Mohd Noor Mohd Ali

Editor:

Nur Wahida Muhamad Pengiran

Nur Maizatul Azra Mukhtar

Intan Syaffinazzilla Zaine

Vicinisvaari a/p Inderan

Nor Fadhlin Jaafar

Nurul Izza Husin

Norain Isa

IID 2010 anjuran RMI telah berlangsung dengan jayanya pada 12-14 Januari yang lalu bertempat di Dewan Sri Budiman dan Annex, UiTM Malaysia. Karnival yang bertemakan *Realising An Innovation Led Economy* ini telah disertai oleh 470 peserta dari UiTM dan kampus-kampus cawangan seluruh negeri. Kontingen UiTM Pulau Pinang yang terdiri dari 32 penyertaan telah berjaya meraih 4 pingat emas, 15 pingat perak dan 15 pingat gangsa. Tidak ketinggalan, 2 penyertaan dari JSG telah berjaya meraih pingat emas dan perak. Sekalung tahniah kepada kumpulan Puan Zainiharyati dan Mr Lim Boon Tik. Di harap kejayaan pada tahun ini akan memberi semangat serta inspirasi kepada rakan-rakan yang lain untuk turut serta mengambil bahagian dalam IID pada tahun akan datang.

TAHNIH KONTINGEN UiTM PULAU PINANG.....



Pensyarah JSG yang mengambil bahagian dalam IID 2010

Menarik di dalam

- ◆ IID 2010
- ◆ Hari Kualiti 2009
- ◆ Kolokium Fizik & Kimia
- ◆ Bengkel Penyediaan, Penyemakan, dan penyuntingan KSPA Unit Kimia
- ◆ Peperiksaan akhir sesi Julai-Nov 2009
- ◆ Bengkel Penyediaan, Penyemakan, dan Penyuntingan KSPA Unit Fizik
- ◆ Mesyuarat Pembentangan Keputusan Peperiksaan Akhir Julai-Nov 2009
- ◆ Bengkel Penyediaan Kertas Proposal
- ◆ dan macam-macam lagi.....



Pengadil mendengar penerangan daripada Mr. Lim

Hari kualiti UiTM pulau pinang 2009 telah dilangsungkan pada 16-17 Disember yang lalu. Acara tahunan ini dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dengan kerjasama Unit Pengurusan Kualiti. Dengan bertemakan Kerjasama Teras Kualiti, majlis ini bertujuan untuk memperkukuhkan nilai-nilai budaya kualiti dalam sesebuah organisasi. Pada kemuncak hari kualiti, telah diadakan makan malam bagi semua kakitangan UiTM Pulau Pinang. Pada majlis tersebut, beberapa anugerah kualiti telah disampaikan kepada penerima-penerima anugerah. Tidak ketinggalan beberapa kakitangan dari JSG telah berjaya merangkul beberapa anugerah, antaranya:

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008

Pn Ainorkhilah Mahmood
Puan Marina Mokhtar
Pn Nur Maizatul Azra Mukhtar
En Zainol Mansor

Anugerah Penulisan Upena 2009- Perak

En Mohd Noor Mohd Ali

Pemenang Pertandingan 5s 2009

Papan Notis Terbaik – JSG

Bilik pensyarah lelaki terbaik- tempat ke-2

En. Mohd Noor Mokhtar

Bilik pensyarah perempuan terbaik- tempat pertama

Dr. Nor Aziyah Bakhari



Menjamu selera.....



Suasana penuh ceria



Staff JSG di malam Hari Kualiti 2009

Tahniah kepada semua pemenang-pemenang.....

Kertas cadangan atau proposal adalah satu bentuk kertas kerja yang perlu dihasilkan sebelum menjalankan projek penyelidikan. Kertas cadangan yang baik akan memberikan huraian yang jelas terhadap projek penyelidikan yang akan dijalankan, merangkumi pernyataan masalah, objektif, metodologi, tempoh penyelidikan dan akhirnya keperluan kewangan untuk menjalankan projek tersebut.

Sebagai memenuhi salah satu tugas hakiki seorang pensyarah, kerja-kerja penyelidikan perlu dijalankan. Justeru, Unit Kimia Jabatan Sains Gunaan UiTM Pulau Pinang merasakan adalah amat penting bagi semua pensyarah kimia mengetahui selok belok untuk menghasilkan kertas cadangan yang baik. Kertas cadangan yang berjaya dihasilkan ini akan dapat dimanfaatkan terus untuk dimajukan kepada pihak URDC UiTMPP bagi tujuan kelulusan untuk menjalankan penyelidikan.



Koordinator RMU memberikan tunjuk ajar kepada peserta bengkel.



Peserta bengkel khusyuk membuat kertas proposal.

Koordinator RMU memberikan taklimat kepada para peserta.



Sehubungan itu, Unit Kimia Jabatan Sains Gunaan telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan yang berbentuk *hands-on*. Bengkel ini diisi dengan aktiviti pembentukan kumpulan penyelidik berdasarkan perbincangan awal dan seterusnya penyediaan kertas cadangan secara terus. Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan ini telah diadakan pada 8 dan 21 Januari 2010 bertempat di Bilik Perdana II, Bangunan Perdana, UiTM Pulau Pinang dan dirasmikan oleh Koordinator Jabatan Sains Gunaan, JSG; En. Mohd Noor Mohd Ali.

Antara objektif bengkel ini diadakan adalah untuk menggerakkan pembentukan kumpulan penyelidik di kalangan pensyarah di Unit Kimia JSG UiTMPP, untuk memberi panduan dan teknik-teknik kepada pensyarah tentang cara-cara untuk menghasilkan kertas cadangan yang berkualiti, dan seterusnya menghasilkan kertas cadangan untuk Sciecefund, FRGS dan Dana Kecemerlangan. Tahniah dan terima kasih kepada Unit Kimia JSG kerana berjaya menghasilkan beberapa kertas cadangan untuk penyelidikan

BENGGEL PENYEDIAAN, PENYEMAKAN & PENYUNTINGAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR UNIT KIMIA

Oleh: Norain Isa

Unit Kimia JSG telah menganjurkan Bengkel Penyediaan, Penyemakan & Penyuntingan (Vetting) Kertas Soalan Peperiksaan Akhir (KSPA) untuk subjek CHM 140 (Chemistry), PHC 114 (Pharmaceutical Chemistry I) dan PHC 124 (Pharmaceutical Chemistry II) pada 17, 18 & 19 Jun 2009 yang lalu. Bengkel yang berlangsung selama 3 hari dan bertempat di Bilik Perdana 2 UiTM Pulau Pinang ini telah dianggotai oleh pensyarah-pensyarah kimia. Bengkel ini diadakan untuk menghasilkan dan memastikan KSPA yang terhasil adalah mematuhi panduan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dan sentiasa berkualiti kerana ia bukan sahaja digunakan untuk pelajar-pelajar dalaman malahan oleh para pelajar dari UiTM cawangan yang lain dan Kolej Bersekutu. Tahniah diucapkan kepada para pensyarah yang berusaha gigih dalam menghasilkan KSPA yang berkualiti.



Para pensyarah dari Unit Kimia berbincang untuk menghasilkan KSPA yang berkualiti.
(gambar hiasan)

KOLOKIUUM FIZIK & KIMIA – Suatu Percambahan Ilmu

Oleh: Intan Syaffinazzilla

Dengan bermatlamat untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang bahan termaju di kalangan staf akademik dan sokongan Jabatan Sains Gunaan, *Kolokium Fizik dan Kimia – Suatu Percambahan Ilmu* telah diadakan pada 30 Jun 2009 di Dewan Seminar, UiTM Pulau Pinang. Kolokium dimulakan dengan ucapan aluan oleh mantan koordinator JSG, En. Abdul Halim B. Abdul Hamid.

Program ini dijalankan melalui sesi syarahan dan soal jawab. Kesemua informasi adalah berkaitan penyelidikan yang dijalankan oleh staf-staf JSG dalam bidang sains dan teknologi. Syarahan telah dibentangkan oleh lima orang pensyarah JSG sendiri iaitu En. Mohd Muzafar Jumidali (Unit Fizik), En. Sharaf Ahmad (Unit Fizik), En. Ahmad Nazib Alias (Unit Fizik), Pn. Marina Bt. Mukhtar (Unit Kimia) dan Pn. Ainorkhilah Bt. Mahmood (Unit Fizik). Peserta telah dibekalkan dengan slaid powerpoint yang berinformasi padat dan slaid ini juga dicetak untuk bekalan dan rujukan para peserta.

PEPERIKSAAN AKHIR SESI JULAI-NOV 2009

Oleh: Norain Isa



BULETIN
JSG UiTMPP

Pada 26 Oct 2009 hingga 15 Nov 2009 merupakan tarikh peperiksaan akhir bagi sesi Julai-Nov 2009. Setelah berhempas pulas para pelajar menjawab peperiksaan akhir, tanggungjawab tersebut dipikul pula oleh para pensyarah untuk menyemak skrip jawapan pelajar dan akhirnya pada 10 Disember 2009 keputusan peperiksaan akhir telah diumumkan. Tahniah kepada para pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang dan yang kurang cemerlang, tingkatkan usaha untuk memperbaiki kelemahan diri. Kepada semua pensyarah terutama dari Unit Kimia dan Fizik JSG UiTM Pulau Pinang, tahniah kerana melaksanakan tanggungjawab anda dengan baik sekali.



BULETIN
JSG UiTMPP

TERIMA KASIH...AJK JADUAL WAKTU

Oleh: Nurul Izza Husin

Jutaan terima kasih kepada semua AJK jadual waktu yang telah bertungkus lumus menyediakan jadual waktu bagi semester ini. Walaupun terdapat sedikit kesukaran dan pelbagai pertukaran telah berlaku, semua AJK telah memberi komitmen sepenuhnya dan bersedia bekerja di hujung minggu. Semuanya demi memastikan jadual pengajaran semester ini berjalan dengan lancar. Tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat, dan diharap usaha yang diberikan dapat dikekalkan pada semester akan datang.

The following is a little known, true story about Albert Einstein (attributed to Paul Harvey).

Albert Einstein was just about finished his work on the theory of special relativity, when he decided to take a break and go on vacation to Mexico. So he hopped on a plane and headed to Acapulco. Each day, late in the afternoon, sporting dark sunglasses, he walked in the white Mexican sand and breathed in the fresh Pacific sea air. On the last day, he paused during his stroll to sit down on a bench and watch the Sun set. When the large orange ball was just disappearing, a last beam of light seemed to radiate toward him. The event brought him back to thinking about his physics work. "What symbol should I use for the speed of light?" he asked himself. The problem was that nearly every Greek letter had been taken for some other purpose. Just then, a beautiful Mexican woman passed by. Albert Einstein just had to say something to her. Almost out of desperation, he asked as he lowered his dark sunglasses, "Do you not zink zat zee speed of light is zery fast?" The woman smiled at Einstein (which, by the way, made his heart sink) and replied, "Si."

And know you know the rest of the story.

Penggunaan plastik untuk membungkus makanan semakin popular kerana kelebihan yang ada padanya, contohnya tahan lama, teguh dan mudah digunakan, berbanding dengan pembungkus tradisional. Tidak hairanlah jika kita banyak bergantung kepada plastik sebagai satu bahan wajib dalam proses pembungkusan makanan, walaupun kaedah tradisional menggunakan sumber alam lebih murah harganya sehingga kita tidak menyedari bahaya plastik serta komponen-komponen kimia yang terkandung di dalamnya. Walaupun banyak maklumat disebarkan oleh pihak berwajib mengenai kesan kimia yang hadir akibat tindakbalas makanan dalam bahan pembungkusan namun disebabkan terlalu bergantung kepada plastik membuatkan sesetengah pihak, khususnya pengusaha makanan terpaksa mengabaikan kesannya dengan berharap agar bahan yang digunakan oleh mereka selamat.

Kandungan Kimia

Plastik yang dijadikan bahan pembungkus diperbuat daripada pelbagai bahan kimia seperti polietilena, polietilena tereftalat, propilena dan polivinil klorida. Selain itu, sejenis bahan pelembut (plasticizers) turut dimasukkan bagi membolehkan plastik yang dihasilkan untuk pembungkusan ini bertekstur licin dan mudah dilentur atau dibentuk dalam pelbagai bentuk yang menarik. Bahan pelembut ini kebanyakannya terdiri daripada kumpulan phthalate. Manakala yang lainnya bergantung kepada jenis plastik, termasuk bahan pelekat yang digunakan dan dakwat untuk menandakan nama pengeluar. Oleh itu, semua bahan kimia yang hendak digunakan untuk menghasilkan plastik pembungkus itu sendiri secara amnya perlu mendapat pengesahan daripada pihak berwajib sebelum boleh digunakan. Kebenaran untuk menggunakan hanya dapat diperolehi sekiranya bahan kimia yang hendak digunakan ini telah dapat disahkan sebagai selamat dan digunakan pada kadar yang telah ditetapkan. Paling penting, bahan kimia dan kadar penggunaannya tidak boleh mengakibatkan kanser kepada pengguna.

Kesan Yang Dialami

Secara amnya, tiada sebarang masalah dengan plastik pembungkus. Masalah hanya timbul jika plastik pembungkus itu diperbuat daripada PVC. Plastik pembungkus jenis ini didapati mengeluarkan bahan pelembut DEHA ke dalam makanan. Persoalannya, apakah makanan seperti itu dapat membahayakan ataupun tidak? Perkara ini dibangkitkan selepas satu kajian yang dilakukan oleh Pertubuhan Pengguna di Amerika Syarikat pada tahun 1998 mendapati terdapat bahan kimia DEHA di dalam keju yang dibungkus dalam plastik pembungkus yang diperbuat daripada PVC.

Kandungan DEHA yang dikenal pasti itu didapati berada pada kepekatan yang tinggi, iaitu lebih kurang 300,000 kali ganda had yang ditetapkan oleh Pentadbiran Makanan dan Ubat-Obatan Amerika Syarikat.

Namun sehingga kini kesannya kepada pengguna masih belum dapat dipastikan. Tetapi daripada data kajian yang dijalankan terhadap haiwan, DEHA berupaya merosakkan sistem peranakan dan menghasilkan janin yang cacat, selain mengakibatkan kanser hati walaupun perkara yang sama tidak ditemui pada tikus.

DEHA didapati mempunyai aktiviti yang menyamai sejenis hormon estrogen (dianggap sebagai hormon wanita kerana mampu memberikan sifat-sifat kewanitaan). Namun kesan sebenarnya masih belum diselidiki sepenuhnya. Maklumat yang diperolehi daripada haiwan kajian, walaupun mungkin tidak boleh dikaitkan secara langsung kepada manusia, boleh menjadi satu petunjuk tentang apa yang mungkin terjadi kepada manusia. Ini adalah langkah pertama dalam usaha kita untuk menentukan sejauh mana phthalates selamat digunakan oleh manusia.

Langkah keselamatan

Walaupun tiada bukti kukuh untuk menghubungkan DEHA dalam makanan dengan gangguan kesihatan, kita perlu berwaspada dan seboleh-bolehnya mengelakkan penggunaannya secara meluas. Beberapa negara,

Sambungan.....

contohnya Britain, telah mengkaji semula perkara ini dan mendapati bahawa masalah ini dapat dikurangkan dengan penggunaan bahan pelembut mengurangkan penyerapan DEHA ke dalam makanan.

Di Eropah, Suruhanjaya Eropah telah menetapkan had kandungan DEHA yang dibenarkan menyerap ke dalam makanan sebanyak 18 bahagian bagi setiap juta bahagian. Makanan yang mengandungi DEHA melebihi paras ini dianggap tidak selamat untuk dimakan. Penetapan had ini dilakukan berdasarkan hasil kajian dan piawaian yang ditetapkan oleh kerajaan Eropah yang menggalakkan penggunaan DEHA dikurangkan sama ada dengan dicampurkan atau digantikan terus dengan bahan pelembut lain.

Sekiranya boleh, anda digalakkan untuk menggunakan plastik pembungkus yang tidak mengandungi bahan pelembut. Ini mungkin sukar kerana kita sebenarnya tidak tahu sejauh mana bahan pelembut digunakan dalam plastik pembungkus. Namun begitu, ada beberapa plastik pembungkus yang dikatakan tidak mengandungi bahan pelembut iaitu plastik pembungkus yang diperbuat daripada polietilina atau bekas plastik yang digunakan di rumah seperti jenama Tupperware. Satu cara lagi untuk memastikan plastik itu daripada jenis PVC atau tidak, adalah dengan melihat di bawah bekas plastik yang biasanya mempunyai beberapa tanda tulisan seperti berikut:

- EVA kopolimer etilina vinilaserat
- HDPE polietilina ketumpatan tinggi
- PE polietilina
- PET polietilina terefataalat
- PP polipropilina
- p-PVC polivinil klorida yang dirawat dengan bahan pelembut

Selain itu, anda juga boleh menggunakan bahan pembungkus seperti daun pisang yang sudah dibersihkan dan disalai. Namun bahan pembungkus seperti ini biasanya tidak tahan lama dan kurang praktikal, selain sukar didapati.

Tindakbalas Dakwat Berplumbum

Cara penggunaan juga sering menimbulkan masalah. Sebagai contoh, plastik pembungkus yang telah digunakan disimpan dan digunakan semula untuk membungkus makanan. Dalam proses membungkus makanan, pengguna mungkin membalikkan plastik pembungkus supaya bahagian luar akan diletakkan di bahagian dalam. Dalam keadaan ini, makanan mungkin akan bersentuhan dengan label yang mengandungi dakwat berplumbum. Penyimpanan makanan yang berasid lemah seperti buah limau yang sudah dikupas sudah cukup untuk mengeluarkan plumbum (100 mikrogram plumbum dalam masa 10 minit) daripada dakwat. Walaupun kandungan plumbum yang diserap masuk ke dalam makanan mungkin tidaklah begitu tinggi namun sekiranya makanan yang sedemikian dimakan setiap hari, kesannya sudah cukup untuk menjejaskan kesihatan seseorang. Walaupun ini mungkin tidak berlaku kepada orang dewasa, tetapi ia sudah cukup untuk memberikan kesan kepada janin, bayi dan kanak-kanak yang semanganya diketahui lebih sensitif terhadap pendedahan plumbum pada kepekatan yang rendah. Justeru itu, ibu yang hamil haruslah berhati-hati dalam perkara ini supaya masalah sedemikian tidak dialami pada janin yang di-kandung.

Selain itu, kebanyakan plastik yang dibuat sebelum adanya ketuhar gelombang mikro direka dengan mempunyai ketahanan pada suhu yang tinggi tetapi masih tidak mampu untuk memberi ketahanan yang sewajarnya sekiranya dikenakan suhu dalam ketuhar gelombang mikro yang biasanya antara 400 darjah Fahrenheit hingga 500 darjah Fahrenheit. Justeru itu, pengeuraian akan berlaku sekiranya suhu yang tinggi dikenakan kepada barang plastik berkenaan. Komponen lapisan polietilina terephalate (PET) akan bergerak lebih jauh daripada yang dijangkakan. Keadaan ini akan mengakibatkan berlakunya retakan pada lapisan PET, dan ini membolehkan bahan-bahan pelekat yang terdapat pada bekas plastik berkenaan serta bahan kimia terurai dan menyerap masuk ke dalam makanan. Sekiranya terdapat bahan yang mudah terbakar seperti kertas, keadaan ini akan menghasilkan debu yang dapat memasuki makanan dan mengakibatkan makanan berkenaan kurang sesuai untuk dimakan.

**BENGKEL PENYEDIAAN, PENYEMAKAN &
PENYUNTINGAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN
AKHIR UNIT FIZIK**

Oleh: Nor Fadhliln Jaafar

Tanggal 7 – 8 Disember 2009 yang lalu, para pensyarah fizik Jabatan Sains Gunaan telah mengadakan vetting peringkat jabatan di bilik mesyuarat Jabatan Sains Gunaan untuk kod-kod PHY 140, PHY 190, PHY 143 dan PHY193. Setiap kod telah disediakan sebanyak 2 set soalan.

Vetting ini bertujuan untuk menyemak sebarang kesilapan dari segi tatabahasa, pemilihan soalan dan cadangan jawapan yang telah diberikan oleh para pensyarah yang dipertanggungjawabkan mengadakan soalan peperiksaan akhir kod-kod terbabit. Seterusnya, hasil pembetulan soalan dan skema jawapan yang telah dilakukan semasa vetting peringkat jabatan ini telah dibawa untuk vetting peringkat fakulti di Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam pada 17 Disember 2009. Wakil fizik ke Shah Alam ialah Cik Aishah Zarzali Shah dan Encik Mohd Bukhairi Mohd Yunus.

Semoga setelah vetting ini diadakan, sebarang kesilapan dalam soalan peperiksaan akhir bagi kod-kod fizik dapat dielakkan hasil kerjasama semua pensyarah yang terbabit.

**MESYUARAT PEMBENTANGAN KEPUTUSAN
PEPERIKSAAN AKHIR JULAI-NOV 2009**

Oleh: Vicinisvarri

Satu mesyuarat pembentangan keputusan peperiksaan akhir November 2009 telah diadakan pada 20 November 2009 di Bilik Perdana II, Kompleks Perdana pada pukul 3.00 petang. Semua pensyarah-pensyarah Jabatan Sains Gunaan telah menghadiri mesyuarat tersebut. Mesyuarat bermula dengan bacaan Ummul Kitab diikuti ucapan En.Mohd Noor Ali selaku pengerusi majlis.

Agenda mesyuarat termasuklah pembentangan keputusan peperiksaan akhir bagi kod-kod kursus di bawah Jabatan Sains Gunaan, mesyuarat validasi peperiksaan oleh pihak fakulti, penyediaan kertas soalan peperiksaan akhir dan lain-lain hal. Sebanyak dua kod kursus kimia iaitu PHC114 dan CHM 140 telah dibentangan oleh Puan Norain Isa, Puan Ainnie Rahayu dan Puan Nurul Izza Husin.


Manakala bagi kod Kursus fizik pula sebanyak empat kod kursus telah dibentangan. Antaranya ialah PHY140 , PHY 143, PHY 193 dan PHY 190 yang telah disampaikan oleh Encik Sharaf bin Ahmad, Encik Fatinul Najib bin Ahmad, Puan Zubainun dan Encik Mohd. Haris Ridzuan Ooi bin Abdullah. Setelah pembentangan tamat pengerusi memaklumkan tentang tarikh-tarikh mesyuarat validasi di peringkat universiti. Beliau juga memberi penerangan tentang penyediaan kertas soalan. Mesyuarat ditangguh pada jam 4.30 petang degan bacaan Tasbih Kifarah dan Surah al' Asr.



HAPPY BIRTHDAY



JANUARI
RIN**AZRAT**AIN
EZAL**RAHIMAH



DISEMBER
FADHLIN



NOVEMBER
HAJAR**PM LIM**
NAZIB**ROSNI



OCTOBER
SALAMIAH**FADH
NURULMNA



JUN
AINUL**EMI
**MUZAFAR



OGOS
ECAH**SYAM**
AINNIE**WAHIDA
**BUKHARI



JULAI
ROHANA**WAN

SEPTEMBER
ATIKAH**MARINA



IID 2010

**Hari Kualiti
UTMPP
16-17 Dis 2009**



**Sambutan Hari
Raya Aidilfitri
UTMPP**

GALERI JSG



110 2010



*Sambutan Hari
Baya Aidilfitri
Peringkat Jabatan
JSG UTMPP
15 Oct 2009*

*Bengkel Penyediaan
Kertas Proposal
(Unit Kimia)
8 & 21 Jan 2010*

1. Banyak-banyak bas, bas apa yang pandai
2. Banyak-banyak mi, mi apa yang boleh makan ngan ais
3. Kenapa anjing kencing angkat sebelah kaki
4. Apa perbezaan lampu stadium ngan lampu bilik
5. Apa binatang, badan kecil macam semut tapi mata besar "bulb" mentol
6. Mana lagi tua, motorsikal ke kereta?
7. Ahmad bin Abu, kambing bin apa?
8. Bagaimana nak bezakan ikan betina ngan ikan jantan?

JAWAPAN DI BELAKANG

Food for Thought.....



Rain is water, water is light in colour. Rain clouds are full of water. Therefore, rain clouds should be light. Impeccable logic, but wrong. Obviously, there are always water particles in clouds. But when the particles of water are small, they reflect light and are perceived as white. When water particles become large enough to form rain-drops, however they absorb light and appear dark to us below.

Bisphenol-A is a hormone-disrupting chemical considered to be potentially harmful to human health and the environment. It has been known that scratched and worn polycarbonate feeding bottles will leach this chemical into liquids. Avoid using plastic food containers marked on the bottom with the recycling label No. 7; they may contain bisphenol A. Not all No. 7 products contain the chemical, but this is a reasonable guideline for a category of plastics to avoid, especially for children's use. Plastics with the recycling labels No. 1, No. 2 and No. 4 do not contain bisphenol A. To be super-safe.





GERHANA MATAHARI ANULUS



KUALA LUMPUR: Rakyat Malaysia sekali lagi berpeluang menyaksikan gerhana matahari separa atau dikenali sebagai 'gerhana matahari anulus' pada 15 Januari ini antara 3 petang hingga 5.45 petang berikutan 'sentuhan pertama' bulan ke cakera matahari.

Agensi Angkasa Negara (Angkasa) berkata orang ramai dapat menyaksikan matahari terlindung oleh bulan sehingga mencapai kegelapan maksimum kira-kira 40 peratus di bahagian utara Semenanjung pada waktu petang.

"Langkawi adalah lokasi strategik dengan litupan maksimum di Malaysia iaitu sebanyak 40 peratus dan bahagian pantainya yang menghala ke arah barat begitu sesuai dengan sentuhan terakhir iaitu sewaktu matahari terbenam," kata agensi itu dalam kenyataan di sini hari ini.

Kenyataan itu berkata peratus matahari dilindungi oleh bulan semakin mengurang ke bahagian tengah Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Gerhana matahari anulus akan kelihatan dengan lintasan selebar 300 kilometer (km) merentasi Afrika Tengah, Lautan Hindi dan Asia Timur, apabila bulan merentas di hadapan matahari, namun tidak menutupi matiharinya kerana saiz bulan yang lebih kecil, dan matahari akan kelihatan seperti cincin yang terang atau anulus di sekeliling luar cakera bulan, katanya.


Angkasa berkata gerhana ini pernah berlaku pada 26 Januari 2009 dan sempena gerhana kali ini, agensi itu akan menganjurkan program pencerapan gerhana matahari mulai 2.30 petang hingga 6 petang di Planetarium Negara Kuala Lumpur bagi tujuan mendedahkan dan menanamkan minat masyarakat terhadap astronomi.

Antara aktiviti yang akan diadakan ialah tayangan "Dawn of the Space Age" dan "SOS Planet" di Teater Angkasa, taklimat gerhana matahari dan kuiz di perkarangan planetarium serta melawat galeri pameran.

Pada program pencerapan gerhana itu, kaca mata gerhana eksklusif serta "Eclipse Mints" akan diberi kepada pengunjung paling awal, dan Angkasa juga akan menyediakan teleskop untuk mereka melihat gerhana itu.

Orang ramai yang tidak berkesempatan ke Planetarium Negara boleh melayari www.angkasa.com.my untuk menyaksikan siaran langsung Gerhana Matahari Separa mulai 3 petang hingga 5.40 petang pada hari berkenaan.

Sementara itu, Pusat Sains Negara dalam kenyataan di sini hari ini berkata pusat itu akan ditutup kepada orang ramai dari 18 Jan hingga 31 Mac untuk kerja pengubahsuaian. Ia akan dibuka semula pada 1 April depan. – Bernama





www.uitm.edu.my

Sumbangan artikel dan cetusan pendapat dari semua staf juga siswa-siswi UiTMPP adalah amat diharapkan untuk dikongsi bersama semua pembaca. Sekiranya anda ingin menyumbang sebarang artikel/pendapat, sila pos atau emelkan pandangan anda kepada:

Ketua Editor Buletin JSG,
Jabatan Sains Gunaan,
Tingkat 3, Kompleks Perdana,
UiTM Pulau Pinang,
13500 Permatang Pauh,
Pulau Pinang.

atau
norain012@ppinang.uitm.edu.my

IKAN MASAK SAMBAL

Bahan-bahan (2 orang)

- 4 ekor ikan (ikan apa² pun boleh!)
- 4 biji bawang putih
- 2 biji bawang merah
- 1 biji bawang besar dipotong bulat
- 2 biji limau kasturi (air asam pun boleh)
- 1 cm belacan
- 8 sudu makan cili boh (cili kering yang diblend) bagi yang mau le



Cara-cara

1. Lumurkan ikan dengan garam and kunyit...perap selama 10 minit
2. Then...goreng ikan hingga garing
3. Bawang putih & merah dikisar
4. Panaskan minyak...tumis bawang yang telah dikisar bersama cili boh...belacan dan bawang besar...tunggu sehingga garing dan bawang besar layu
5. Tunggu sehingga mendidih...masukkan gula...and chicken cube...kalau mau lebih masin boleh lah ditambah sedikit garam...then masukkan ikan tadi...gaul hingga sehati...masukkan perahan air limau...gaul sekali lagi... angkat dan hidangkan

JAWAPAN TEKA-TEKI:

Bas sekolah lah, the only bas pegi sekolah*MILO AIS*Sebab kalau dia angkat dua kaki, dia jatuh sebab tulah dia angkat sebelah aje*Lampu stadium kalau ada 'game' dia pasang, tapi kalau lampu bilik ada 'game' dia padam*Semut yang matanya BENGKAK*Motorsikal..sebab dia pakai tongkat*Kambing binATANG*Ikan betina - ikan duyung, ikan jantan - ikan bakar, mana ada pompuan nama BAKAR

Q: How were three graduate physics students able to demonstrated that a human could travel faster than light?

A: The three students went to a store and bought a stop watch and a candle. Then, they proceeded to a high school track field. The first student lit the candle and began to walk around the track. The second student waited a while and then ran after the first student. The third student worked the stop watch because physics experiments require precise measurements. When the second student rounded the track and came in first, the three students concluded that humans could travel faster than light.



“1 MALAYSIA”